


BAGAIMANA MEDISHIELD HAYAT DAN PELAN INSURANS HOSPITAL SWASTA BERFUNGSI

Ramai rakyat Singapura telah membeli pelan insurans hospital swasta dalam bentuk Pelan Perlindungan Bersepadu.

Pelan Perlindungan Bersepadu mempunyai dua bahagian:



- Jika anda inginkan perlindungan lebih meluas (contohnya, untuk menampung kos hospital swasta yang lebih tinggi)
- Diuruskan oleh syarikat insurans swasta
- Cukup untuk menampung bil hospital anda yang besar di wad kelas B2/C di hospital awam
- Diuruskan oleh Lembaga Tabung Simpanan Pekerja (CPF)

Premium yang anda bayar kepada syarikat insurans swasta sudah termasuk premium untuk bahagian MediShield.



Bagaimana boleh saya tahu sama ada saya mempunyai Pelan Perlindungan Bersepadu?

Jika anda menggunakan Medisave untuk membayar sepenuhnya atau sebahagian insurans swasta anda dan ia adalah antara pelan yang tersenarai di bawah, anda mempunyai Pelan Perlindungan Bersepadu!
Anda boleh juga memeriksa di cpf.gov.sg. Kunjungi **my cpf Online Services** dengan SingPass anda. Kunjungi **"My Messages"** dan lihat seksyen **"Insurance"**.



Adakah saya akan menerima subsidi bagi premium Pelan Perlindungan Bersepadu?

Ya! Anda akan menerima subsidi untuk **bahagian MediShield Hayat dalam Pelan Perlindungan Bersepadu anda**, selagi anda layak.



Adakah MediShield Hayat akan memanfaatkan saya jika saya sudah mempunyai Pelan Perlindungan Bersepadu?

Bahagian MediShield Hayat dalam Pelan Perlindungan Bersepadu anda akan melindungi anda sepanjang hayat, termasuk penyakit anda ketika ini. Inilah hakikatnya walaupun penyakit yang anda hidapi ketika ini tidak dilindungi di bawah perlindungan tambahan daripada syarikat insurans swasta anda.



Jika anda mempunyai Pelan Perlindungan Bersepadu, anda sudah mempunyai MediShield!



AIA HealthShield Gold Max



Aviva MyShield



Great Eastern SupremeHealth



NTUC Income IncomeShield



Prudential PruShield